

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 JUN 2016 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Johor land purchase part of agarwood expansion, says APC	New Straits Times
2.	Kesedaran jenayah siber perlu dipertingkat secara meluas	Berita Harian
3.	Lori, lori kontena disyarat pasang reflektor berstandard SIRIM mulai 1 Julai	BERNAMA
4.	Gempa bumi lemah berlaku di Ranau	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B4
TARIKH: 11 JUN 2016 (SABTU)

Johor land purchase part of agarwood expansion, says APC

RIZALMAN HAMMIM

JOHOR BARU: Asia Plantation Capital Bhd (APC) is acquiring a 40.5ha in Batu Pahat, Johor, as part of its agarwood plantation expansion in Malaysia.

Its chief executive officer for Asia Pacific Steve Watts said the new plantation is located near its existing 8.9ha plantation in Yong Peng, near Batu Pahat.

"We had planted 14,000 agarwood trees at our existing plantation about eight months ago. It would take a while before we can harvest these trees because agarwood trees usually take about seven years to mature," said Watts.

He said the company had also invested US\$30 million (RM122 million) to build a 44,000 sq ft distillery and research centre at the Masai Industrial Park, here, that started operation about a year ago.

"The distillery has a total of 20 stills and a capacity to process about

3,000 agarwood trees a month. However, we are not operating at full capacity as we could not get enough raw material," said Watts.

He said APC now brings in agarwood from its Thailand plantation as well purchases from other agarwood planters to be processed at its distillery.

"It's been a year since our agarwood processing factory has been fully operational. This multi-million dollar investment is integral to the company's strategic expansion of its Malaysian plantation and production capacity.

"In line with our expansion programme, we expect APC to become a major exporter and employer in Malaysia and a big success story for the country," said Watts after the opening of the distillery by deputy minister of Science, Technology and Innovation Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah recently. Also present was APC chief executive officer Barry Rawlinson.



Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (second from left) with APC CEO Barry Rawlinson (left) and APC Asia Pacific CEO Steve Watts (right) at the opening of the distillery in Johor Baru recently. Bernama pic

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INTERAKTIF) : MUKA SURAT 38
TARIKH : 11 JUN 2016 (SABTU)

Kesedaran jenayah siber perlu dipertingkatkan secara meluas

Kes baru-baru ini mengenai pedofil Britain, Richard Huckle yang mendera 200 kanak-kanak Malaysia seawal usia enam bulan secara seksual selama hampir sedekad, sepatutnya menyedarkan bukan sahaja Malaysia tetapi negara lain betapa seriusnya jenayah siber.

Walaupun Huckle tidak dekati mangsanya secara atas talian, dia menyimpan gambar tidak senonoh kanak-kanak terbabit dalam komputernya serta berkongsi pengalamannya dan imej jenayah seks yang dilakukannya di laman internet tersembunyi dikenali sebagai 'dark

web'. Lain-lain bentuk penderaan kanak-kanak dan eksploitasi atas talian, termasuk mencipta dan mengedar pornografi, eksploitasi seks komersial, buli siber, gangguan siber dan hendap siber.

Pornografi kanak-kanak adalah pelanggaran hak-hak asasi manusia serius dan menjadi tanggungjawab semua untuk melindungi kanak-kanak daripada penderaan dan eksploitasi. Jabatan Kebajikan Masyarakat harus mempercepat penubuhan Daftar Pelaku Jenayah terhadap Kanak-Kanak sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2015. Kita perlu ada data pelaku jenayah kerana kita tidak mahu pedofil berada dekat dengan anak kita.

CCSI perlu tingkat pemantauan Unit Siasatan Siber Seksual Kanak

Kanak PDRM (CCSI) perlu meningkatkan pemantauan dan pengawasan aktiviti pedofil atas talian, sama ada mereka berada di Malaysia atau di luar negara. Ibu bapa dan guru kena sedar akan ancaman ini. Mereka perlu berbincang dengan anak dan murid mengenai bahaya internet dan mengajar mereka tabiat internet yang selamat, termasuk tidak mendedahkan maklumat peribadi di internet. Terdapat juga perisian kawalan ibu bapa yang boleh membuatkan aktiviti anak dalam internet menjadi telus dan boleh disekat.

PDRM perlu meningkatkan kapasiti bahagian khas yang bertanggungjawab bagi jenayah siber di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial. PDRM harus menggaji lebih ramai kakitangan bagi bahagian khas ini dan mendapatkan perisian dan peranti yang canggih. Kakitangan dan pegawai perlu diberi banyak latihan mengenai jenayah siber dan melengkapkan mereka dengan kemahiran penyiasatan terkini serta teknologi baharu.

Penubuhan Pusat Tindakan Siasatan Siber Polis (PCIRC) dan Sistem Perisikan Jenayah Komersial PDRM (CCIS) adalah langkah betul. PDRM hendaklah menjalin kerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, CyberSecurity Malaysia, Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank

Bank di Malaysia, institusi pendidikan tinggi dan lain-lain.

Mereka juga perlu bekerjasama dengan rakan sejawat mereka di luar negara, termasuk Interpol kerana internet dan pelbagai bentuk teknologi komputer telah membuat jenayah siber di negara ini dan yang merentasi sempadan sukar untuk dikesan. Sebagai contoh, negara anggota ASEAN atau Kommanwel bekerjasama dan berkongsi maklumat kritikal dan hasil risikan untuk menangani jenayah siber merentasi sempadan.

Lancar kempen kesedaran besar-besaran

Pada peringkat kebangsaan, kempen kesedaran jenayah siber secara besar-besaran perlu dilancarkan dan meliputi pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah, institusi pengajian tinggi, pejabat dan orang awam. Peningkatan kesedaran mengenai aktiviti penjenayah siber, kefahaman terhadap risiko melawat laman web serta penggunaan dan tabiat internet yang selamat akan mengurangkan bilangan pengguna internet yang menjadi mangsa kepada pelbagai jenis jenayah siber.

Kerjasama antara PDRM dan Universiti Lim Kok Wing untuk kempen 'Jadilah Bijak: Jangan Menjadi Mangsa Jenayah Siber' (Be Smart: Don't Be A Victim of Cyber Crime) perlu disokong dan dikem-

bangkan. Ceramah mengenai Kesedaran Jenayah Siber perlu diadakan lebih kerap dan membatikannya peserta lebih ramai. Penyebaran maklumat hendaklah sampai kepada semua orang kerana rakyat Malaysia perlu sedar akan ancaman bukan tradisional ini.

Kerajaan juga perlu kaji semula undang-undang siber sedia ada, menangani sebarang kelemahan, menambah baik dan mengetatkan undang-undang supaya lebih relevan dalam menghalang aktiviti jenayah siber. Undang-undang siber di Malaysia termasuk Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Perdagangan Elektronik 2006 dan Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007.

Akhir sekali, kerajaan mungkin perlu pertimbang penubuhan Mahkamah Siber mempercepat perbicaraan dan pendakwaan penjenayah siber. Penubuhannya akan memastikan wujud sistem berkesan untuk membina kes terhadap penjenayah siber, terutama sekali apabila jenayah siber menjadi lebih canggih.

Tan Sri Lee Lam Thye,
Naib Pengerusi Kanan,
Yayasan Pencegahan Jenayah
Malaysia (MCPF)



Keratan akhbar BH baru-baru ini.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 11 JUN 2016 (SABTU)



Lori, Lori Kontena Disyarat Pasang Reflektor Berstandard Sirim Mulai 1 Julai

SUNGAI BESAR, 11 Jun (Bernama) -- Kerajaan mensyaratkan semua lori termasuk lori kontena di seluruh negara hanya menggunakan pelekat pemantul cahaya (reflektor) berstandard [SIRIM](#) bermula 1 Julai ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata langkah itu berikutan banyak kenderaan berat dikesan memasang jenis reflektor kurang berkualiti malah ada yang tidak memantulkan cahaya dengan baik.

Bagaimanapun katanya, pemasangan reflektor berstandard SIRIM itu dikuatkuasakan pada lori-lori baharu atau lori yang mencapai tempoh pengujian Puspakom terlebih dahulu sebelum lori lain secara berperingkat.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 11 JUN 2016 (SABTU)



Gempa Bumi Lemah Berlaku Di Ranau

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Satu gempa bumi lemah, berukuran 2.3 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada 5.18 pagi ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), pusat gempa itu terletak di 6.0 darjah utara dan 116.6 darjah timur, 11km barat dari Ranau.

Gegaran dirasai di Ranau.

-- BERNAMA